



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

“KESAN KAEDEH KOPERATIF STAD TERHADAP PENGAJARAN TATABAHASA DI KALANGAN PELAJAR TINGKATAN DUA”

HASAN BIN SAMAD



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2003**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**“KESAN KADEAH KOPERATIF STAD TERHADAP PENGAJARAN
TATABAHASA DI KALANGAN PELAJAR TINGKATAN DUA”**

**HASAN BIN SAMAD
NO. PEND. 200000119**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SYARAT
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJONG MALIM**

MAC 2003

i



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya akui ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MAC 2003


HASAN BIN SAMAD
NO.PEND. 200000119



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Penulis memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya tesis ini berjaya disiapkan. Banyak pihak telah membantu dalam menyempurnakan tesis ini. Mereka yang paling banyak memberikan dorongan, bantuan nasihat dan bimbingan yang amat berguna dalam menjayakan tesis ini ialah penyelia saya sendiri, iaitu Prof. Dr. Abdul Hamid Mahmood dan Dekan Fakulti Bahasa Dr. Alias bin Mohammad Yatim. Sejak dari mula lagi sehingga tamat tesis ini, mereka tidak jemu-jemu memberikan bantuan dan pandangan. Atas pengorbanan masa dan tenaga yang telah diberikan oleh mereka kepada saya, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka.



Ucapan terima kasih juga kepada pengetua, guru-guru dan pelajar-pelajar tingkatan dua Sek. Men. Keb. Hang Kasturi, Masjid Tanah, Melaka. Kepada rakan-rakan yang membantu seperti En. Jefri bin Mohd Hassan, En. Ramli bin Mahat, En. Ra'aid bin Sulaiman, En. Saini bin Jaalam dan sesiapa sahaja yang tidak dapat saya senaraikan satu persatu turut mengundang dan membantu secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan tesis ini.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Akhir sekali, tesis ini tidak akan berjaya sekiranya tanpa pengorbanan daripada isteri tersayang Hajah Mariati bt. Jaafar, serta anak-anakku, Hasmarhadi, Hazman, Mohd. Hanif, Mohd. Firdaus, Mohd. Fauzi, dan Hanisah bt. Hasan yang sentiasa memberikan inspirasi dan dorongan serta mendoakan kejayaan penulis. Inilah kuabadikan :

“Ribuan Terima Kasih”

Pisang emas dibawa belayar,

Masak sebijji di atas peti,

Hutang emas boleh dibayar,

Hutang budi dibawa mati.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat “Kesan Kaedah Koperatif STAD Terhadap Pengajaran Tatabahasa Di Kalangan Pelajar Tingkatan Dua”. Kajian ini berbentuk kuasi-eksperimen. Seramai 112 orang pelajar terlibat dalam kajian ini. Empat buah kelas telah diambil untuk kajian. Kaedah koperatif dijalankan dalam dua kelas dan dua kelas lagi kaedah tradisional. Pelajar keempat-empat kelas ini mempunyai pencapaian yang hampir sama. Kumpulan kaedah koperatif terdiri daripada 56 orang pelajar, dan kumpulan kaedah tradisional terdiri daripada 56 orang pelajar. Praujian, pasca ujian dan kuiz mingguan dijalankan untuk melihat keberkesanan pengajaran dan pembelajaran secara koperatif dalam kaedah STAD (Student Team Achievement Division). Pengajaran melalui kaedah ini berjalan selama enam minggu. Ujian-t digunakan untuk menguji dua belas hipotesis bagi menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian tatabahasa pelajar kaedah koperatif dengan kaedah tradisional. Kajian berbentuk kuasi-eksperimen ini juga akan cuba meninjau kesan penggunaan dua kaedah pengajaran tatabahasa terhadap markat pencapaian pelajar. Kajian ini juga dapat menjawab pertanyaan sama ada kaedah koperatif berkesan atau tidak bagi mengajar tatabahasa di sekolah.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

▼



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ABSTRACT

“THE EFFECT OF STAD COOPERATIVE METHOD IN THE TEACHING OF GRAMMAR AMONG FORM TWO STUDENTS”.

The aim of this research is to look at “The effect of STAD Cooperative Method in the teaching of grammar among form two students”. This research is in the form of quasi-experiment. Two classes are allocated for each method. The student are of the same level of academic achievement. The number of respondents are divided equally between the two methods. Fifty-six students for each method. Pre-test and post-test are conducted to find out the effectiveness of teaching and learning using STAD Method. The duration of this research is six weeks. T-test is used to measure twelve hypothesis to determine if there is a significant difference in the students grammatical achievement. This quasi-experimental research will also observe the effectiveness of the two methods. Finally this research provides the answer to the question whether or not Cooperative Method is effective in the teaching of grammar in schools.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

KANDUNGAN**Halaman**

| | |
|-------------------------------------------------------|------|
| PENGHARGAAN | iii |
| ABSTRAK | v |
| ABSTRACT | vi |
| KANDUNGAN | vii |
| SENARAI JADUAL | xi |
| SENARAI RAJAH | xiii |
| BAB 1 PENDAHULUAN | |
| 1.1 Latar Belakang Masalah | 1 |
| 1.2 Penyataan Masalah | 11 |
| 1.3 Kepentingan Kajian | 18 |
| 1.4 Tujuan Kajian | 20 |
| 1.5 Hipotesis Kajian | 22 |
| 1.6 Batasan Kajian | 24 |
| 1.7 Definisi Istilah | 24 |
| 1.7.1 Kaedah | 25 |
| 1.7.2 Kaedah Koperatif | 26 |
| 1.7.3 Kaedah Tradisional | 29 |
| 1.7.4 Pengajaran | 30 |
| 1.7.5 Tatabahasa | 31 |
| 1.7.6 Pelajar Tingkatan Dua | 31 |
| BAB II TINJAUAN KAJIAN LEPAS | |
| 2.1 Tinjauan Bacaan dan Kajian Berkaitan | 33 |
| 2.2 Kepentingan Tatabahasa dan Teori-teori Linguistik | 33 |
| 2.3 Pengajaran dan Pembelajaran Tatabahasa | 35 |
| 2.4 Kaedah Pengajaran Tatabahasa | 40 |
| 2.5 Kaedah Koperatif | 47 |



| | |
|-------------------------------------------------------------------------------|----|
| 2.5.1 STAD | 50 |
| 2.5.2 Langkah-langkah Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Kaedah Koperatif STAD | 51 |
| 2.5.3 Teori-teori Pembelajaran Koperatif | 54 |
| 2.5.3.1 Teori Persandaran Sosial | 54 |
| 2.5.3.2 Teori Perkembangan Kognitif | 55 |
| 2.5.3.3 Teori Pembelajaran Tingkah laku | 56 |
| 2.5.4 Ciri-ciri Pembelajaran Koperatif | 57 |
| 2.5.4.1 Persandaran Positif | 58 |
| 2.5.4.2 Interaksi Bersemuka | 60 |
| 2.5.4.3 Tanggungjawab Individu | 61 |
| 2.5.4.4 Kemahiran Berinteraksi Dalam Kumpulan | 61 |
| 2.5.4.5 Penilaian Proses Kerja Kumpulan | 62 |
| 2.6 Kaedah Tradisional | 62 |
| 2.6.1 Teori Linguistik Tradisional | 63 |
| 2.6.2 Ciri-ciri Kaedah Tradisional | 65 |
| 2.6.3 Kaedah Tradisional | 65 |
| 2.7 Perbezaan Antara Kaedah Koperatif Dengan Kaedah Tradisional | 66 |
| 2.8 Kajian-kajian Lepas | 68 |
| BAB III KAEDEAH KAJIAN | |
| 3.1 Pengenalan | 73 |
| 3.2 Reka Bentuk Kajian | 73 |
| 3.3 Kaedah Kajian | 75 |
| 3.3.1 Kelas Eksperimen | 76 |
| 3.3.2 Kelas Kawalan | 76 |
| 3.4 Persampelan | 77 |
| 3.4.1 Sampel Kajian | 77 |
| 3.4.2 Cara Pemilihan Sampel | 78 |
| 3.5 Instrumen Kajian | 79 |
| 3.5.1 Praujian dan Pasca Ujian | 79 |
| 3.5.2 Kuiz | 80 |
| 3.6 Kajian Rintis | 80 |
| 3.7 Prosedur Kajian | 82 |
| 3.8 Penganalisisan Data | 83 |





BAB IV DAPATAN KAJIAN

| | |
|---------------------------------------------------------------------------|-----|
| 4.1 Tujuan Utama Kajian | 84 |
| 4.2 Perbezaan pencapaian Tatabahasa Pelajar Dalam Praujian | 84 |
| 4.3 Pencapaian Pelajar dalam ujian penggunaan imbuhan MeN- Dalam Praujian | 87 |
| 4.4 Pencapaian Pelajar menggunakan imbuhan MeN- Dalam Pasca Ujian | 88 |
| 4.5 Pencapaian pelajar yang menggunakan imbuhan BeR- dalam Praujian | 89 |
| 4.6 Pencapaian Pelajar menggunakan imbuhan BeR- Dalam Pasca ujian | 91 |
| 4.7 Pencapaian Pelajar terhadap ayat tanya dalam praujian | 92 |
| 4.8 Pencapaian pelajar menggunakan ayat tanya dalam Pasca Ujian | 93 |
| 4.9 Pencapaian Pelajar menggunakan Frasa dalam Praujian | 95 |
| 4.10 Pencapaian Pelajar menggunakan frasa dalam pasca ujian | 96 |
| 4.11 Pencapaian pelajar menggunakan imbuhan TeR- dalam praujian | 97 |
| 4.12 Pencapaian pelajar menggunakan imbuhan TeR- dalam pasca ujian | 98 |
| 4.13 Rumusan | 100 |



BAB V RUMUSAN DAN CADANGAN

| | |
|------------------------------------------------|-----|
| 5.1 Pengenalan | 103 |
| 5.2 Ringkasan Dapatan | 103 |
| 5.3 Perbincangan Dapatan | 108 |
| 5.4 Implikasi kajian kepada guru Bahasa Melayu | 110 |
| 5.5 Cadangan penyelidikan lanjutan | 113 |
| BIBLIOGRAFI | 115 |

LAMPIRAN

| | |
|----------------------------------------------------------------------|-----|
| A Persediaan mengajar tatabahasa I kumpulan eksperimen (11,12.6.01) | 123 |
| B Persediaan Mengajar tatabahasa II kumpulan eksperimen (18,19.6.01) | 126 |





| | |
|-------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| C Persediaan mengajar Tatabahasa III Frasa Kumpulan Eksperimen (25,26.6.01) | 129 |
| D Persediaan Mengajar Tatabahasa IV Kumpulan Eksperimen (2,3.7.01) | 132 |
| E Persediaan Mengajar Tatabahasa V kumpulan Eksperimen (23,24.7.01) | 134 |
| F Persediaan Mengajar Tatabahasa VI Frasa Adjektif Kumpulan Eksperimen (30,31.7.01) | 136 |
| G Persediaan mengajar Tatabahasa VII kumpulan Tradisional (1,2.8.01) | 139 |
| H Persediaan Mengajar Tatabahasa VIII kumpulan Tradisional (8,9.8.01) | 141 |
| I Persediaan Mengajar Tatabahasa IX kumpulan Tradisional (15,16.8.01) | 143 |
| J Persediaan Mengajar Tatabahasa X kumpulan Tradisional (29,30.8.01) | 145 |
| K Persediaan Mengajar Tatabahasa XI Kumpulan Tradisional (4,5.9.01) | 147 |
| L Persediaan Mengajar Tatabahasa XII Kumpulan Tradisional (19,20.9.01) | 149 |
| M Kuiz Mingguan | 151 |
| N Bahan-bahan Pengajaran | 159 |





SENARAI JADUAL

| No. Jadual | Halaman |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|
| 3.1 Taburan pelajar mengikut kumpulan | 78 |
| 4.1 Min dan sisihan lazim (SL) markat tatabahasa pelajar kaedah koperatif dan kaedah tradisional dalam praujian | 85 |
| 4.2 Anova menunjukkan perbezaan markat tatabahasa pelajar yang menggunakan kaedah koperatif dan kaedah tradisional dalam pasca ujian | 86 |
| 4.3 Min dan sisihan lazim (SL) markat tatabahasa pelajar yang menggunakan kaedah koperatif dan tradisional daripada ujian penggunaan imbuhan MeN- dalam praujian | 88 |
| 4.4 Anova menunjukkan perbezaan markat tatabahasa pelajar yang menggunakan kaedah koperatif dan tradisional menggunakan imbuhan MeN- dalam pasca ujian | 88 |
| 4.5 Min dan sisihan lazim (SL) markat tatabahasa pelajar kaedah koperatif dan tradisional yang menggunakan BeR- dalam praujian | 90 |
| 4.6 Anova menunjukkan perbezaan markat tatabahasa pelajar yang menggunakan kaedah koperatif dan tradisional menggunakan imbuhan BeR- dalam pasca ujian | 92 |
| 4.7 Anova (F) menunjukkan perbezaan markat tatabahasa pelajar yang menggunakan kaedah koperatif dan tradisional terhadap ayat tanya dalam praujian | 93 |
| 4.8 Min dan sisihan lazim (SL) markat tatabahasa pelajar menggunakan ayat tanya dalam kaedah koperatif dan tradisional dalam pasca ujian | 94 |
| 4.9 Anova menunjukkan perbezaan markat aspek frasa menggunakan kaedah koperatif dengan kaedah tradisional dalam praujian | 95 |
| 4.10 Min dan sisihan lazoim (SL) markat penggunaan frasa yang menggunakan kaedah koperatif dan tradisional dalam pasca ujian | 96 |
| 4.11 Anova menunjukkan perbezaan markat pencapaian pelajar yang menggunakan kaedah koperatif dan tradisional dari aspek penggunaan imbuhan TeR- dalam praujian | 98 |





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**4.12 Min dan sisihan lazim (SL) markat penggunaan imbuhan TeR-
yang menggunakan kaedah koperatif dan tradisional dalam
pasca ujian**

99



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI RAJAH

| No. Rajah | Halaman |
|------------------------------------------------------------------|---------|
| 2.1 Perbezaan antara kumpulan koperatif dan kumpulan tradisional | 66 |
| 3.1 Reka Bentuk Kajian | 74 |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

Bab ini akan membincangkan masalah pengajaran tatabahasa, khususnya masalah kaedah pengajaran tatabahasa serta markat pencapaian pelajar dalam mata pelajaran bahasa Melayu kesan daripada pengajaran guru. Antara tajuk perbincangan yang terdapat dalam bab ini ialah penyataan masalah, kaedah dan kepentingan kajian yang hendak dijalankan, tujuan kajian, menyatakan hipotesis nul kajian, batasan kajian dan takrifan istilah-istilah penting.

1.1 LATAR BELAKANG MASALAH



Pengajaran tatabahasa di peringkat sekolah rendah dan menengah rendah amat penting kerana secara langsung memberi kesan kepada penguasaan bahasa Melayu pada tahap berkenaan. Penguasaan bahasa Melayu pada peringkat awal akan mempengaruhi kebolehan mereka berbahasa di peringkat yang lebih tinggi.

Telah banyak dibincangkan kedudukan pengajaran tatabahasa di sekolah-sekolah, tetapi kebanyakannya merupakan pemerhatian semata-mata, tanpa kajian yang mantap dan boleh dipertanggungjawabkan. Oleh itu, masyarakat cuba menilai pengajaran tatabahasa melalui hasil yang dapat diteliti melalui penulisan para pelajar.





Arbak (1985) menjelaskan bahawa pengajaran tatabahasa ialah pengajaran tentang hukum-hukum yang terdapat dalam sesuatu bahasa. Dapat disedari bahawa hukum-hukum inilah yang dijadikan landasan untuk menentukan betul atau salahnya sesuatu ayat atau bahasa yang digunakan. Bahasa Melayu juga mempunyai hukum-hukumnya yang tertentu dan secara logik, hukum-hukum inilah yang sepatutnya diketahui oleh semua penutur Bahasa Melayu.

Timbul persoalan, adakah seseorang yang dapat menggunakan Bahasa Melayu dengan baik dan berkesan itu sebenarnya seorang yang begitu mahir tentang selok-belok tatabahasa Bahasa Melayu. Sekiranya mereka yang mahir tentang selok-belok tatabahasa merupakan orang-orang yang mahir menggunakan Bahasa Melayu, maka golongan yang tidak melibatkan diri dalam bidang linguistik tentulah tidak berkemampuan menggunakan Bahasa Melayu dengan baik dan berkesan. Hakikatnya tidak sedemikian. Perkara seumpama ini haruslah mendapat perhatian kerana secara langsung atau tidak langsung, pemahaman dan kesedaran tentang fenomena berkenaan dapat memberi arah kepada pelaksanaan pengajaran tatabahasa di sekolah rendah dan sekolah menengah rendah.

Pelaksanaan pengajaran tatabahasa di sekolah rendah dan sekolah menengah rendah dapat dilihat daripada beberapa perspektif iaitu keberkesanan pelaksanaan pengajarannya, perkaedah dan penerapan ilmu linguistik serta ‘ruang penglihatan’ (view) berhubung dengan teori-teori tatabahasa. Ketiga-tiga perspektif ini berkait antara satu



sama lain dan dapat memberikan gambaran secara keseluruhan tentang pelaksanaan pengajaran tatabahasa di sekolah-sekolah.

Adalah perlu melihat atau menyedari keberkesanan pengajaran tatabahasa yang dilakukan selama ini. Belum ada suatu kajian khusus dilakukan bagi mengetahui hakikat ini dan dengan yang demikian tentulah belum ada satu jawapan yang pasti. Persoalan sama ada pengajaran tatabahasa selama ini amat berkesan, kurang berkesan atau tidak berkesan merupakan persoalan-persoalan yang akan menimbulkan berbagai-bagai kontroversi. Walau bagaimanapun, harus diingatkan bahawa mutu pengajaran tatabahasa mestilah ditingkatkan kerana dari pemerhatian sehari-hari yang dilakukan, ternyata ramai pelajar yang tidak dapat menggunakan Bahasa Melayu dengan baik dan berkesan walaupun telah mempelajarinya sekian lama. Masih terdapat kesalahan berhubung dengan tatabahasa. Kesalahan yang kerapkali berlaku seharusnya disedari oleh pihak guru dan amat penting sebagai langkah membaiki mutu Bahasa Melayu pelajar.

Perkaedahan dan penerapan ilmu linguistik turut dijadikan suatu perspektif bagi melihat pelaksanaan tatabahasa di sekolah-sekolah. Perkaedahan dan penerapan ilmu linguistik adalah berkaitan antara satu sama lain walaupun tiap-tiap satu daripadanya boleh dilihat secara terpisah.

Secara ringkas, tatabahasa ialah hukum-hukum yang dapat dijadikan landasan bagi menentukan betul atau salahnya bahasa yang digunakan. Oleh sebab tatabahasa



berkait secara langsung dengan hukum-hukum yang menentukan salah atau betulnya bahasa yang digunakan maka perkaedahan berhubungan dengan pengajaran tatabahasa seharusnya mempunyai prinsip yang tertentu, sama ada selok-belok tatabahasa Bahasa Melayu diperlihatkan secara langsung ataupun memadai disampaikan secara tidak langsung. Apa juga prinsip yang dipegang adalah bertujuan supaya pelajar-pelajar dapat menggunakan Bahasa Melayu dengan baik dan berkesan.

Sebelum meneliti prinsip yang difikirkan lebih sesuai berhubung dengan pengajaran tatabahasa pada sesuatu tahap, adalah lebih baik meneliti kecekapan menggunakan tatabahasa sebagaimana yang sepatutnya dikuasai oleh pelajar-pelajar, sebab tujuan pelajar mempelajarinya tatabahasa sangat penting. Kalau pelajar mempelajari tatabahasa dengan menganggap pembelajaran paradigma, pola, rajah-rajab tertentu sebagai tujuan pembelajaran itu sendiri, maka itulah yang dikuasainya sebagai rumusan tatabahasa yang bermakna (Abdullah Hassan, 1987).

Tatabahasa juga melibatkan aspek-aspek morfologi dan sintaksis. Secara keseluruhan, keberkesanan pengajaran tatabahasa secara langsung berkait dengan aspek-sintaksis seharusnya mendapat perhatian. Kesalahan-kesalahan berkait dengan sintaksis adalah sesuatu yang amat ketara dalam penulisan sesuatu esei yang dilakukan oleh seorang pelajar.

Perkaedahan pengajaran tatabahasa dapat kita teliti daripada penulisan Arbak Othman (1985), Koh Boh Boon (1981), Mokhtaruddin (1980). Tatabahasa ialah hukum-





hukum yang dapat dijadikan sebagai landasan bagi menentukan betul atau salahnya bahasa yang digunakan. Oleh sebab tatabahasa berkait secara langsung dengan hukum-hukum yang menentukan salah atau betulnya bahasa yang digunakan. Justeru, kesalahan-kesalahan tatabahasa yang dilakukan oleh pelajar hendaklah ditunjukkan dengan jelas supaya dapat disedari oleh pelajar. Masalah yang sering dihadapi oleh guru ialah menyedari kesalahan sesuatu ayat tetapi tidak dapat menunjukkan dengan jelas kesalahan ayat tersebut.

Adalah jelas bahawa pelajar-pelajar yang baik penguasaan Bahasa Melayu mereka, tidak melakukan kesalahan-kesalahan tatabahasa. Harus disedari bahawa pelajar-pelajar yang dapat menguasai Bahasa Melayu dengan baik itu tidak semestinya mengetahui selok-belok tatabahasa sebagaimana kepakaran yang dimiliki oleh guru atau ~~kepakaran yang dimiliki oleh seseorang ahli linguistik. Shah Pelajar-pelajar di sekolah~~ memadai mengetahui tentang struktur-struktur ayat yang mudah.

Azaman Wan Chik (1993) menyatakan bahawa kajian-kajian telah menunjukkan terlalu ramai guru Bahasa Melayu yang kurang mengenal kaedah mengajar tatabahasa, satu masalah yang sama juga dengan tatabahasa itu sendiri. Keadaan ini timbul disebabkan oleh:

- a. Kurang latihan dalam pendekatan mengajar tatabahasa semasa dan selepas latihan
- b. Tidak wujud pendekatan dan kaedah mengajar tatabahasa yang umum difahami oleh guru



- c. Sebarang pengajaran tatabahasa berdasarkan pengalaman guru sendiri mempelajari aspek bahasa tersebut
- d. Walaupun dalam sukan pelajaran dinyatakan dengan jelas bahawa tatabahasa tidak harus diajarkan secara formal; atau disebaliknya guru mengelak langsung daripada pengajaran tatabahasa kerana kurang pasti dengan konsep penggabungjalinan dalam pengajaran aspek bahasa tersebut.

Justeru Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Melayu (1981) berpendapat bahawa antara faktor-faktor yang menyebabkan rendahnya prestasi penggunaan Bahasa Melayu di kalangan pelajar-pelajar ialah faktor guru sendiri. Jawatankuasa tersebut membuat kesimpulan bahawa:

“Guru Bahasa Malaysia di sekolah terdiri daripada penutur asli dan bukan penutur Bahasa Malaysia. Hanya sebilangan kecil daripada mereka menerima latihan khas untuk menjadi guru bahasa, yang lainnya menerima latihan untuk menjadi guru mata pelajaran am atau tidak terlatih. Hakikat ini menunjukkan gejala yang telah menjaskam kualiti pengajaran guru dan hasil pembelajaran murid.”

(Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia, 1981: 12)

Abdullah Hassan (1987), Arbak Othman (1985) berpendapat bahawa pengajaran tatabahasa ialah pengajaran hukum-hukum sesuatu bahasa. Pelajaran hukum-hukum meliputi pengajaran tentang struktur dan sistem bahasa yang diajar. Pemahaman pelajar tentang hukum, selok-belok struktur dan sistem bahasa yang dipelajari itu akan

membolehkan mereka menggunakan bahasa dengan betul. Tatabahasa merupakan salah satu bahagian dalam mempelajari bahasa dan memainkan peranan yang penting dalam pengajaran bahasa kerana tanpa mengetahui tatabahasa, seseorang pelajar tidak mahir berbahasa atau berkomunikasi (Richard 1991).

Pengajaran bahasa perlu mengambil kira aspek berkaitan sebagaimana yang pernah disuarakan oleh Asmah Hj. Omar (1984) iaitu: ...kemahiran berbahasa itu sebenarnya adalah darjah yang tinggi dalam penguasaan bahasa dilihat dari dua sudut: pertama, penggunaan sistem dan peraturan-peraturan nahu dengan baik, dan kedua penggunaan sistem dan peraturan-peraturan itu dalam konteks pengwujudannya, yakni konteks wacana dan konteks sosiolinguistik.

pula menegaskan bahawa tatabahasa merupakan unsur yang wujud dalam tiap-tiap kemahiran bahasa. Tatabahasa hendaklah diajar secara terancang dalam kemahiran lisan, kemahiran bacaan, kefahaman dan kemahiran penulisan. Ini bermakna tatabahasa tidak diajar secara formal tetapi diserapkan ke dalam aktiviti-aktiviti yang bertujuan untuk mengasah kemahiran-kemahiran bahasa yang lain. Jadi, kedudukan tatabahasa dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu amatlah penting. Tatabahasa hendaklah diajar secara terancang melalui kemahiran-kemahiran bahasa. Ini disebabkan bahasa adalah data yang dianalisis dalam linguistik, menurut definisi linguistik, bahasa adalah suatu sistem simbol-simbol (Lutfi Abas 1985). Yang dimaksudkan dengan “sistem” ialah aturan-aturan atau rumus-rumus tertentu yang pasti dan tersusun, manakala

“simbol” pula merujuk kepada setiap kata atau bentuk ucapan yang mewakili atau yang dihubungkan dengan benda, tindakan atau konsep tertentu.

Kecekapan berbahasa pula dikatakan seperti berikut:

‘Kecekapan berbahasa yang dipusatkan pada kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis hendaklah didasarkan pada ketepatan tatabahasa dan penggunaan bahasa Malaysia baku’.

Selain itu, ditegaskan juga bahawa:

‘Tatabahasa hendaklah dijadikan dasar kecekapan berbahasa dan diajarkan secara terancang untuk ketepatan berbahasa.’

Dengan berdasarkan falsafah yang dinyatakan dalam Sukatan Pelajaran KBSM

maka seharusnya pengajaran tatabahasa di sekolah disusun secara terancang mengikut lima prinsip pengajaran dan pembelajaran:

- (a) daripada yang sudah diketahui kepada yang belum diketahui,
- (b) daripada yang mudah kepada yang susah,
- (c) daripada yang konkrik kepada abstrak,
- (d) daripada yang khusus kepada yang umum, dan
- (e) daripada yang sederhana kepada yang rumit.

Mengajarkan tatabahasa menurut lima prinsip pengajaran dan pembelajaran itu bererti mengajarkan tatabahasa secara bertahap-tahap atau berperingkat-peringkat.



Perlu ditegaskan bahawa yang dikatakan bahasa ialah himpunan ayat-ayat yang terlampaui banyaknya. Oleh sebab itu, perlulah ada pemeringkatan dalam pengajaran bahasa (Ramlah Shahari 1996).

Menurut pendapat Abdul Hamid Mahmood dan Ali Mahmood (1989). Pengajaran dan pembelajaran tatabahasa bahasa Malaysia mestilah ditekankan dalam setiap pengajaran bahasa sama ada sebagai bahan utama atau sebahagian daripada aspek pengajaran. Perkara penting ialah guru Bahasa Melayu sentiasa sedar bahawa dalam setiap pengajaran kemahiran berbahasa, unsur-unsur tatabahasa mesti digabunggalinkan secara bersepadu.

Pengajaran tatabahasa di sekolah pula, secara sedar atau tidak telahpun diabaikan (Azman Wan Chik 1986). Tatabahasa diajar secara tidak langsung dalam kemahiran lisan, bacaan dan penulisan. Guru-guru bahasa lebih gemar menyediakan pelajaran kefahaman, penulisan karangan, puisi dan pelajaran bukan aspek tatabahasa. Walau bagaimanapun, Arbak (1985) berpendapat bahawa tatabahasa menjadi landasan bagi menentukan betul atau salahnya sesuatu bahasa atau ayat yang digunakan. Justeru pengajaran tatabahasa seharusnya mendapat perhatian di kalangan para pendidik.

Mengikut Kamarudin (1994), kaedah komunikatif dalam pengajaran bahasa berpusat pada bentuk-bentuk komunikatif seperti meminta maaf, bercerita, melapor, menyampaikan maklumat, berjanji dan sebagainya yang berlaku dalam amalan masyarakat seharian. Pendekatan ini menekankan kepada bagaimana menyerapkan





unsur-unsur gramatikal (Fonologi, morfologi, sintaksis dan sebagainya) bagi tujuan berkomunikasi.

Dalam pembelajaran berkumpulan, bentuk-bentuk komunikatif sering digunakan untuk memberi keterangan, melapor, bercerita dan sebagainya. Setiap aktiviti bahasa secara individu atau kumpulan akan melibatkan komunikasi memproses maklumat dan menyampaikan maklumat.

Andaian-andaian tentang bahasa dan cara bahasa dipelajari telah menghasilkan pelbagai prosedur dan kaedah pengajaran tatabahasa. Antara kaedah tersebut ialah kaedah nahu terjemahan, kaedah terus, kaedah tentera, kaedah fonetik atau kaedah linguistik, kaedah audio-lingual, kaedah kod-kognitif dan kaedah komunikatif. Kaedah-kaedah yang terhasil ini secara keseluruhan telah membentuk dua cara pengajaran tatabahasa secara formal (kaedah terus, kaedah tentera, kaedah audio-lingual, dan kaedah kod-kognitif) atau secara pengabungjalinan iaitu tatabahasa diajar dalam kemahiran-kemahiran bahasa.

Salah satu ciri yang ketara dalam pengajaran guru-guru bahasa Melayu ialah mereka masih mengekalkan tradisi menggunakan buku-buku teks bahasa Melayu sebagai bahan pengajaran utama (Raminah Hj. Sabran & Rahim Syam 1985; Abdul Hamid Mahmood 1987). Masih lagi terdapat guru-guru menyuruh para pelajar membaca pelajaran tatabahasa daripada buku-buku teks bahasa Melayu seolah-olah seperti mengajar bacaan. Ada antara buku bahasa Melayu yang menjadikan aspek tatabahasa



hanya sebagai sebahagian daripada latihan kerja pelajar. Jadi, guru memainkan peranan yang kecil dalam penyampaian pelajaran tatabahasa.

Menyedari tentang kesukaran yang dihadapi oleh pelajar-pelajar dalam pembelajaran bahasa terutama dalam menguasai bahasa Melayu, maka kajian ini diharapkan dapat memberikan mereka peluang untuk menguasai tatabahasa dan seterusnya dapat meningkatkan pencapaian mereka dalam menguasai kemahiran bahasa Melayu.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Kontroversi dalam bidang linguistik dan psikologi telah menghasilkan pelbagai kaedah.⁵⁰⁶ Keadaan ini pula telah menimbulkan masalah pemilihan kaedah yang paling berkesan bagi pembelajaran bahasa.

Pada umumnya, terdapat dua pendekatan pembelajaran tatabahasa yang diamalkan oleh guru pada masa kini iaitu pertama, tatabahasa diajar secara formal iaitu aspek tatabahasa diajar terpisah daripada kemahiran-kemahiran bahasa yang lain. Kedua, aspek tatabahasa disepadukan atau digabungkan dalam pengajaran kemahiran-kemahiran bahasa.

Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia 1988 memerlukan tatabahasa diajar seperti yang dinyatakan oleh Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Tingkatan Dua (1988) iaitu:



“Tatabahasa hendaklah dijadikan dasar dalam kecekapan berbahasa dan diajarkan secara terancang untuk ketepatan berbahasa. Kandungan tatabahasa terdiri daripada morfologi dan sintaksis. Namun begitu, aspek-aspek sebutan, intonasi dan semantik perlu juga ditekankan dalam kecekapan berbahasa” (Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia untuk Sekolah Menengah 1988:12).

Apabila seseorang guru mengajarkan tatabahasa secara sedar dan terancang, sebenarnya ia sedang mengajarkan tatabahasa secara formal. Mengajarkan tatabahasa secara formal tidak bererti menyuruh pelajar-pelajar menghafaz kelas-kelas kata dan makna-makna awalan dan akhiran dalam bahasa Melayu. Adalah lebih penting mengajar cara-cara mengenal bentuk-bentuk bahasa seperti, kata, frasa, klausa dan mengetahui fungsi tiap-tiap bentuk kata itu dari sudut maknanya dalam ayat secara gramatis.

Apabila pelajar telah mengenal bentuk-bentuk bahasa itu maka ia harus dapat membentuk kata-kata menurut hukum morfologi dan membentuk frasa serta klausa menurut hukum sintaksis. Sebaliknya, pelajar harus terlebih dahulu mengenal ayat dengan subjek dan prediket sebagai konstituen utama. Para pelajar juga, perlu mengetahui cara pembentukan frasa yang dibuat berdasarkan beberapa perkataan.

Bahasa terdiri daripada ayat-ayat, dan setiap ayat yang dikatakan gramatis ialah ayat yang sempurna bentuknya dan sempurna maknanya. Hanya dua perkara ini sahaja kriteria kegramatisan bahasa. Berdasarkan dua kriteria ini maka pelajar bukan sahaja





dapat mengenal ayat yang betul dari segi struktur sintaksisnya, tetapi juga harus dapat memahami makna dan fungsi sesuatu kata dalam hubungannya dengan bentuk frasa dan klausu. Jika ia harus menuturkan ayat, maka ia harus dapat menuturkannya dengan sebutan baku dan dengan intonasi yang fungsinya adalah untuk membezakan bentuk-bentuk serta jenis ayat yang dituturkan.

Selain itu, guru-guru yang mengajar bahasa Melayu pula terdiri daripada guru-guru yang dilatih khas untuk mengajar bahasa Melayu serta para guru yang tidak mendapat latihan yang khusus untuk mengajar bahasa Melayu (Azman Wan Chik 1993). Oleh itu, terdapat perbezaan asas pengetahuan tatabahasa di kalangan kedua-dua kumpulan guru tersebut.



Oleh sebab Sukatan Pelajaran 1988 memerlukan guru menggabungkan tatabahasa dalam aktiviti bahasa dan tidak diajar secara terpisah maka ramai guru bahasa Melayu beranggapan bahawa tatabahasa tidak perlu diajar (Awang Sariyan 1988). Tambahan pula, guru agak ragu-ragu untuk menggunakan strategi tersebut kerana berbagai-bagai faktor dalaman dan luaran guru itu sendiri (Azaman Wan Chik). Jadi, strategi ini tidak terlaksana di sekolah. Kementerian Pendidikan Malaysia telah sedar akan kelemahan yang timbul apabila tatabahasa diajar secara bersahaja dan dianggap sebagai unsur yang tersembunyi dalam pengajaran bahasa. Oleh itu, Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu untuk Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dengan jelas menekankan kepentingan aspek tatabahasa sebagai asas sistem bahasa yang sempurna.



Tegasnya, aspek tatabahasa dijadikan asas kecekapan berbahasa untuk kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis (Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Untuk Sekolah Menengah 1988). Dengan ini, diharapkan penekanan aspek tatabahasa dalam kemahiran-kemahiran bahasa menerusi Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah akan dapat membantu para pelajar menguasai bahasa Melayu dengan lebih berkesan.

Ahli bahasa dan pendidik bahasa (Azman Wan Chik 1986) berpendapat bahawa tatabahasa perlu diajar kepada pelajar kerana tatabahasa merupakan peraturan yang boleh membantu seseorang pelajar itu membentuk frasa atau ayat sendiri. Peraturan-peraturan itu sudah ada tanpa disedari oleh penutur bahasa yang berkenaan. Walau bagaimanapun, para pelajar lebih beruntung jika mereka mendapat penjelasan dalam pengajaran bahasa tentang peraturan-peraturan bahasa tersebut.

Pada umumnya, ahli-ahli bahasa dan pendidik bahasa telah lama berpendapat bahawa kejayaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu terletak pada kemampuan menguasai sistem tatabahasa (Azman Wan Chik 1986; Farid M. Onn 1986; Abdullah Hassan 1987). Mereka berpendapat bahawa penguasaan sistem dan rumus tatabahasa dapat membolehkan pelajar menyampaikan fikiran dan mesej melalui pemikiran kata-kata yang paling tepat. Para pelajar yang dapat menguasai tatabahasa, berkeupayaan menggunakan bahasa Melayu dengan lebih tepat dan dapat mengurangkan kesilapan serta pencemaran bahasa.

Untuk membantu para pelajar menguasai tatabahasa, guru-guru bahasa Melayu perlu menguasai tatabahasa yang diajar. Di samping itu, guru-guru tersebut perlu berkebolehan menggunakan pendekatan-pendekatan yang paling berkesan dalam proses pengajaran. Azman Wan Chik (1986) berpendapat bahawa kekurangan penguasaan sistem tatabahasa dan kekurangan pengetahuan tentang pemikiran pendekatan pengajaran menyebabkan guru-guru lebih gemar menggunakan kaedah ‘ad hoc’ atau sebarang.

Akibat ramai guru Bahasa Malaysia yang tidak menerima latihan khas untuk menjadi guru bahasa maka terdapat guru bahasa yang tidak dapat mentafsirkan kehendak sukatan pelajaran dengan betul dan ada pula guru-guru bahasa yang terus meninggalkan sesuatu aspek bahasa dalam pengajaran kerana aspek tersebut tidak ditekankan oleh sukatan pelajaran (Laporan Jawatankuasa mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia 1981:12).

Dalam pengajaran sesuatu aspek tatabahasa, kaedah yang digunakan boleh berbeza-beza menurut kesesuaianya dengan pelajar-pelajar yang diajar, iaitu sama ada daripada segi tingkat kemampuan kefahaman mereka, peringkat pembelajaran mereka, tujuan penguasaan, kesediaan mereka untuk belajar, kemudahan-kemudahan pembelajaran yang tersedia ada, bahasa yang diketahui dan sebagainya. Kaedah yang dimaksudkan ialah kaedah latih tubi, kaedah nahu, kaedah nahu terjemahan, kaedah terus, kaedah campuran dan lain-lain lagi. Untuk pengajaran aspek-aspek tatabahasa yang tertentu, kaedah apapun yang digunakan hendaklah sejahtera dengan tujuan yang



dikehendaki oleh kurikulum bahasa yang diasaskan (Goh Ong Sing. Jurnal Dewan Bahasa Januari 1991:7).

Dalam pembelajaran Bahasa Melayu, tatabahasa ialah aspek yang meliputi fonologi termasuk intonasi dan sebutan, serta morfologi dan sintaksis. Tatabahasa mula diajarkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu sejak di sekolah rendah lagi. Sistem morfologi Bahasa Melayu yang agak unik berbanding dengan bahasa lain merupakan satu bahagian daripada aspek tatabahasa yang penting dan perlu ditekankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Sistem sintaksis Bahasa Melayu juga merupakan satu lagi sub-aspek tatabahasa Melayu yang perlu dikuasai daripada ayat dasar yang terdiri daripada empat pola dan seterusnya proses penerbitan ayat yang lebih kompleks seperti ayat gabungan kordinatif dan ayat pasif dan berbagai-bagai jenis ayat seperti ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan (Khathijah Abdul Hamid. Jurnal Dewan Bahasa Julai 1998:634).

Guru bahasa Melayu menghadapi masalah memilih pendekatan mengajar tatabahasa di sekolah. Kaedah mengajar bahasa yang didedahkan kepada bakal-bakal guru maktab dan universiti adalah berdasarkan kepada pendekatan pengajaran bahasa Inggeris (Awang Had Salleh, 1985). Kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa ramai guru bahasa Melayu kurang terdedah kepada pelbagai pendekatan mengajar tatabahasa bahasa Melayu.



Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa masih terdapat guru yang menggunakan kaedah tradisional yang mengutamakan pengajaran tatabahasa secara formal (Azman Wan Chik 1986). Menurut Farid M. Onn dan Hashim Musa (1982), "...nahu tradisional yang kadang-kadang disebut sebagai Nahu Nasional atau nahu seluruhnya yang berasaskan makna dalam huraian item-itemnya seperti Nahu Za'ba sesuai dijadikan nahu preskriptif dalam pengajaran bahasa kepada penutur asli bahasa Melayu".

Terdapat beberapa penulisan ahli bahasa dan pendidik bahasa yang mengakui bahawa pengajaran tatabahasa secara formal juga penting di sekolah menengah kerana ini amat berkesan kepada pelajar-pelajar di peringkat ini (Abdul Hamid Mahmood 1987). Beliau berpendapat bahawa semasa kecil kanak-kanak memperoleh bahasa secara tidak formal.⁴⁵ Penguasaan bahasa seperti ini telah meninggalkan kesan negatif terhadap unsur-unsur bahasa yang mereka perolehi, kerana bentuk-bentuk bahasa yang diperoleh merupakan ayat-ayat ringkas yang tidak gramatis, perkataan tanpa imbuhan dan sebagainya. Oleh itu, jika para pelajar diajar secara formal mereka akan dapat memahami dan menguasai peraturan-peraturan tatabahasa yang betul.

Kelemahan-kelemahan dalam pembelajaran bahasa jika dibiarkan bertambah dari tahun demi tahun akan menyebabkan hilang minat pelajar berkenaan terhadap pelajaran bahasa. Kelemahan penguasaan bahasa akan menjelaskan kemajuan pelajar dalam mata pelajaran lain kerana bahasa merentasi kurikulum. Pelajar yang gagal dalam ujian dan peperiksaan mungkin disebabkan mereka tidak boleh membaca dan memahami soalan

kerana tidak menguasai kemahiran tatabahasa yang digunakan dalam bahasa Melayu. Oleh itu, kesalahan aspek bahasa ini sepatutnya diperbaiki di peringkat menengah rendah lagi.

Maka dapatlah dirumuskan bahawa aspek tatabahasa merupakan satu kemahiran yang penting dan perlu dikuasai oleh semua orang, khususnya bagi para pelajar yang sedang menuntut di sekolah rendah hingga pada pelajar yang sedang menuntut di pusat pengajian tinggi. Aspek tatabahasa yang baik mampu menjamin kebolehan berbahasa dan berkomunikasi antara satu sama lain.

1.3 KEPENTINGAN KAJIAN

Aspek tatabahasa sangat penting kepada para pelajar bagi menguasai bahasa Melayu. Menyedari hakikat ketidakmampuan pelajar dalam bertatabahasa maka kajian ini diusahakan untuk melihat tahap kebolehan pelajar Tingkatan Dua dalam menguasai unsur-unsur tatabahasa. Kajian ini penting kerana pengkaji berharap perkara ini akan dapat membantu para guru meningkatkan mutu penguasaan tatabahasa dengan memahami tahap kebolehan pelajar, masalah penulisan yang dihadapi. Di samping itu, guru-guru dapat mengetahui punca-punca yang menyebabkan timbulnya masalah penulisan tatabahasa berkenaan.

Dapatkan kajian ini, dapat membantu guru mencari jalan supaya pelajaran tatabahasa ini dapat disampaikan dengan cara yang menarik dan dalam suasana yang

menggembirakan. Pengajaran tatabahasa akan lebih berkesan sekiranya guru mengajar berdasarkan kaedah koperatif.

Keberkesanan kaedah koperatif guru dapat menekankan dan menerapkan aktiviti-aktiviti berbahasa yang bermakna untuk merangsang peta minda pada pelajar supaya mereka dapat berfikir secara kritis sekaligus menjadikan kaedah tersebut menarik dan mencapai matlamat yang sebenar seiring dengan tahap kemampuan masing-masing.

Pengkaji mengharapkan kajian ini dapat membantu penggubal dasar dalam memajukan strategi pembelajaran Bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana sebarang kejayaan yang dicapai dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu akan menentukan kejayaan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang menjadi pencetus kepada pencapaian matlamat Wawasan 2020.

Kaedah koperatif dapat merangsang para pelajar sehingga pengajaran tatabahasa dapat membantu pelajar-pelajar menguasai tatabahasa dengan tidak berasa tertekan atau terpaksa. Kaedah ini begitu menarik, bermakna, mencabar dan berkesan. Kaedah koperatif memberi peluang kepada para pelajar berinteraksi, mengalami dan menghayati proses-proses pembelajaran yang lebih bermakna dan natural.

Dapatan kajian ini, dapat meningkatkan kemahiran sosial pelajar seperti kerjasama dan memperkuuh nilai-nilai murni. Para pelajar berpeluang meningkatkan kemahiran pemikiran yang rasional akan berkembang apabila individu-individu itu

berbincang di dalam kumpulan. Kaedah ini juga dapat menimbulkan minat dan motivasi pelajar. Ini kerana guru tidak lagi bertindak secara autokratik, tetapi sebagai perangsang dan pembimbing.

Keberkesanan kaedah koperatif yang digunakan dalam kajian ini juga dapat membantu penggubal sukatan pelajaran untuk menjadikan tatabahasa itu sebagai asas kecekapan berbahasa untuk kemahiran-kemahiran bahasa seperti mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Dapatan kajian ini, diharapkan dapat menjadi salah satu daripada bahan rujukan dan juga dapat membantu para guru merancang bahan-bahan pelajaran tatabahasa dengan teliti supaya guru-guru dapat melaksanakan pelajaran bahasa Melayu dengan menggunakan kaedah koperatif di dalam kelas dengan lebih berkesan. Tegasnya, dapatan kajian ini akan dapat membantu para guru dan pihak-pihak yang berkaitan dengan pendidikan bahasa Melayu untuk memperbaiki program pendidikan bahasa Melayu di sekolah rendah dan menengah.

1.4 TUJUAN KAJIAN

Kajian yang berbentuk kuasi-eksperimen ini bertujuan untuk membandingkan kesan dua kaedah pengajaran tatabahasa iaitu Kaedah Koperatif dan Kaedah Tradisional terhadap markat pencapaian tatabahasa yang dihasilkan oleh pelajar dalam praujian dan ujian pasca.



Secara khususnya kajian berbentuk eksperimen ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan kajian berikut:

- a. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian tatabahasa pelajar kaedah koperatif dengan pelajar kaedah tradisional dalam praujian?
- b. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian tatabahasa pelajar kaedah koperatif dalam praujian dan pasca ujian?
- c. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kaedah koperatif dan kaedah tradisional dari segi penggunaan imbuhan meN, dalam praujian?
- d. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kaedah koperatif dan kaedah tradisional dari segi penggunaan imbuhan meN, dalam pasca ujian?
- e. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kaedah koperatif dan kaedah tradisional dari segi penggunaan imbuhan BeR- dalam pasca ujian?
- f. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kaedah koperatif dan kaedah tradisional dari segi penggunaan imbuhan BeR, dalam pasca ujian?
- g. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kaedah koperatif dan kaedah tradisional dari segi aspek penggunaan ayat tanya, dalam praujian?





- h. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kaedah koperatif dan kaedah tradisional dari segi aspek penggunaan ayat tanya, dalam pasca ujian?
- i. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kaedah koperatif dan kaedah tradisional dari segi penggunaan frasa, dalam praujian?
- j. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kaedah koperatif dan kaedah tradisional dari segi penggunaan frasa, dalam pasca ujian?
- k. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kaedah koperatif dan kaedah tradisional dari segi penggunaan TeR-, dalam praujian?
- l. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kaedah koperatif dan kaedah tradisional dari segi penggunaan TeR, dalam pasca ujian?



Kajian ini bertujuan untuk menguji hipotesis nul kajian berikut.

- Ho 1. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min pencapaian tatabahasa pelajar kaedah koperatif dengan kaedah tradisional dalam praujian.
- Ho 2. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min pencapaian tatabahasa pelajar kaedah koperatif dalam praujian dengan pencapaian dalam pasca ujian.
- Ho 3. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kaedah koperatif dengan kaedah tradisional dari segi penggunaan imbuhan MeN- dalam praujian.





Ho 4. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kaedah koperatif dan kaedah tradisional dari segi penggunaan imbuhan meN dalam pasca ujian.

Ho 5. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kaedah koperatif dan kaedah tradisional dari segi penggunaan imbuhan BeR- dalam praujian.

Ho 6. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar, kaedah koperatif dan kaedah tradisional dari segi penggunaan imbuhan BeR- dalam pasca ujian.

Ho 7. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kaedah koperatif dan kaedah tradisional dari segi penggunaan ayat tanya, dalam praujian.

Ho 8. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kaedah koperatif dan kaedah tradisional dari segi penggunaan ayat tanya dalam pasca ujian.

Ho 9. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kaedah koperatif dan kaedah tradisional dari segi penggunaan frasa dalam praujian.

Ho 10. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kaedah koperatif dan kaedah tradisional dari segi penggunaan frasa dalam pasca ujian.

Ho 11. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kaedah koperatif dan kaedah tradisional dari segi penggunaan imbuhan TeR- dalam praujian.



Ho 12. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kaedah koperatif dan kaedah tradisional dari segi penggunaan imbuhan TeR-, dalam pasca ujian.

1.6 BATASAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan di luar bandar di Negeri Melaka. Sekolah ini terletak kira-kira 34 kilometer jauhnya dari bandar Melaka dan mempunyai populasi pelajar seramai 850 orang. Pemilihan sekolah ini dibuat kerana pengkaji mudah mendapatkan kerjasama daripada pihak sekolah dan pengkaji juga mempunyai rakan yang merupakan tenaga pengajar di sekolah tersebut. Responden yang terlibat kebanyakannya terdiri daripada pelajar Melayu. Pemilihan responden kajian dilakukan dengan Persampelan Rawak Mudah.

Oleh sebab kajian yang dijalankan hanya melibatkan sebuah sekolah sahaja maka dapatan kajian hanya mempunyai sifat kesahan dan kebolehpercayaan yang kecil dan hanya boleh digunakan dalam kawasan kajian dan kawasan-kawasan yang berhampiran sahaja.

1.7 DEFINISI ISTILAH

Terdapat beberapa istilah penting yang digunakan dalam kajian ini. Antaranya seperti berikut:

1.7.1. Kaedah

Menurut Kamaruddin Hj. Husin (1994), kaedah merupakan satu prosedur bagi membolehkan pelaksanaan satu pengajaran yang teratur, kemas dan sistematik. Kaedah melibatkan langkah-langkah pengajaran yang tersusun rapi dan berkesinambungan yang perlu dituruti dengan saksama bagi mencapai sesuatu objektif pengajaran. Tegasnya, dalam bidang pengajaran, kaedah merupakan satu ikhtiar keseluruhan untuk mencapai sesuatu objektif dan pemilihan sesuatu kaedah adalah didasarkan pada pendekatan yang dianuti.

Menurut Abdullah Hassan (1989) kaedah ialah langkah-langkah dan peringkat-peringkat yang diatur untuk mengajar sesuatu bahasa atau bahagiannya, sesuai dengan pendekatan yang dipegang.

Dengan kata lain, kaedah adalah satu cara atau prosedur yang dijalankan oleh guru untuk menjalankan sesuatu tugas pengajaran bahasa dalam usaha untuk mencapai objektif pengajaran yang berkaitan dengan sesuatu kemahiran bahasa atau aspek bahasa. Berbanding dengan konsep pendekatan yang lebih umum dan teoritis, konsep kaedah adalah lebih konkret dan biasanya sesuatu kaedah pengajaran itu dilaksanakan untuk menyokong sesuatu pendekatan pengajaran.

Lazimnya, guru-guru yang bersifat kreatif, inovatif dan banyak pengalaman dapat menggunakan pelbagai kaedah pengajaran di bilik darjah sejajar dengan pendekatan yang dianutti.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan dua kaedah pengajaran sebagai perbandingan iaitu kaedah koperatif dan kaedah tradisional. Kaedah yang dikaitkan dengan sesuatu bentuk pengajaran.

1.7.2 Kaedah Koperatif

Johnson et. al. (1994) mendefinisikan Kaedah Koperatif sebagai satu kaedah pengajaran. Kaedah ini merupakan satu proses pembelajaran yang melibatkan pelajar yang belajar dalam kumpulan kecil. Dalam kaedah ini pelajar-pelajar akan dipecahkan kepada kumpulan-kumpulan kecil dan menerima arahan daripada guru untuk melaksanakan tugas yang diberi. Ahli-ahli dalam kumpulan seterusnya diminta bekerjasama untuk menyelesaikan tugas tersebut sehingga menghasilkan dapatan yang memuaskan.

Menurut Cuseo (1992), pembelajaran koperatif didefinisikan sebagai proses pengajaran ‘learner-centered’ dimana sekumpulan kecil terdiri daripada tiga hingga lima orang pelajar saling bergantung tentang tugas yang telah diarahkan. Setiap pelajar bertanggungjawab untuk prestasi mereka sendiri dan pengajar bertindak sebagai pemudah cara dalam proses pembelajaran kumpulan.

Dalam kajian ini, kaedah koperatif merupakan suatu proses pengajaran dan pembelajaran yang menggalakkan pelajar belajar dalam satu kumpulan kecil. Para pelajar ini boleh berdiskusi dan bertanggungjawab serta boleh menyelesaikan sesuatu aktiviti bahasa yang diberikan oleh guru. Guru bertindak sebagai pembimbing dan kaedah ini selaras dengan kehendak KBSM.

Dalam Kaedah Koperatif ini pengkaji memilih kaedah STAD (Student Team Achievement Divisions). STAD merupakan salah satu teknik dalam pengajaran koperatif yang diperkenalkan oleh Slavin, (1990). Slavin dan rakan-rakan telah membuat penyelidikan dan latihan yang intensif terhadap kaedah ini di Universiti John Hopkins. Selain daripada Slavin, pengkaji lain yang popular dengan kajian pembelajaran koperatif adalah seperti Johnson and Johnson (1994), Sharan (1988).

Keberkesanan sesuatu kaedah pengajaran bergantung kepada banyak faktor, sama ada yang terdapat pada guru, pelajar maupun pada keadaan fizikal bilik darjah. Pemilihan sesuatu kaedah pengajaran bagi mencapai matlamat hasil yang dikehendaki memerlukan pengetahuan tentang kaedah tersebut serta kesediaan untuk mencuba dan mengujinya. Dengan ini adalah penting bagi guru untuk mengetahui langkah-langkah yang penting dalam kaedah pembelajaran koperatif khasnya STAD. Untuk tujuan itu, Nor Azizah Salleh (1995), menguraikan komponen-komponen utama yang perlu dalam langkah-langkah pembelajaran koperatif khusus kaedah STAD.

Berikut ialah komponen-komponen penting dalam langkah pembelajaran kaedah STAD:

- i. Guru mengajar.
- ii. Murid belajar.
- iii. Kuiz secara individu.
- iv. Penjumlahan markah pelajar.
- v. Ganjaran.

Dalam konteks kajian ini, kaedah koperatif bermaksud pendekatan pengajaran yang melibatkan pembentukan kumpulan-kumpulan kecil yang mempunyai lima orang ahli dalam satu kumpulan. Ahli-ahli dalam kumpulan berinteraksi antara satu sama lain bagi melakasankan proses kerja kumpulan secara efisien dan guru bertindak sebagai fasilitator.

Pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam kumpulan-kumpulan kecil didapati begitu menarik, bermakna, mencabar dan berkesan ialah ‘pengajaran yang berpusat kepada pelajar’. Pendekatan ini memberi peluang kepada para pelajar berinteraksi, mengalami dan menghayati proses pembelajaran yang lebih bermakna dan natural. Pendekatan ini juga dapat mengembangkan kemahiran akaliah, kemahiran sosial dan kemahiran interaksi seimbang dan menyeluruh di kalangan pelajar. Strategi pengajaran ini dapat memberi peluang sepenuhnya kepada pelajar mengalami sendiri proses-proses pembelajaran.



Antara kebaikan pengajaran secara kumpulan, jika dilaksana dengan betul dan serius membawa manfaat kepada pelajar seperti berikut:

- a). Pelajar dapat meningkatkan kemahiran sosial seperti bekerjasama dan memperkuuh nilai-nilai murni.
- b). Pelajar berpeluang meningkatkan kemahiran akaliah.
- c). Menimbulkan minat dan motivasi pelajar. Ini kerana guru tidak lagi bertindak secara autokratik, tetapi sebagai perangsang dan pembimbing.
- d). Menggalakkan pembinaan sifat kreativiti pelajar.

1.7.3 Kaedah Tradisional

Kaedah tradisional tidak menganggap menulis sebagai suatu aktiviti yang kompleks kerana tumpuan perhatian hanya peringkat ayat dan pelajar yang boleh membina ayat yang tepat dianggap sudah mahir. Azman Wan Chik (1986), menjelaskan kaedah tradisional merupakan satu kaedah mengajar satu kelas dan guru lebih banyak melibatkan diri berbanding pelajar. Selain dari itu, guru beranggapan bahawa pelajar tahu akan segala yang perlu dilakukan bagi menulis tatabahasa.

Teknik-teknik dan langkah-langkah yang dijalankan oleh pengkaji dalam kajian ini seperti berikut:

- i. Guru menyampaikan pengajaran dan pembelajaran sehala.
- ii. Pelajar membuat kumpulan perbincangannya sendiri dengan bilangan ahli yang ramai (10 orang ahli satu kumpulan).





- iii. Latih tubi tidak begitu ditekankan.
- iv. Pelajar menyalin nota yang diberikan oleh guru.
- v. Pelajar menyudahkan kerja-kerja bertulis yang diberikan oleh guru di dalam kelas.

Dalam kajian ini, teknik penulisan dititikberatkan juga melalui kaedah tradisional, tetapi tidaklah sepenuhnya seperti yang dilakukan dalam kaedah koperatif. Dalam pendidikan tradisional, gerakerja bertulis biasanya diberi dalam bilik darjah.

1.7.4 Pengajaran

Pengajaran merupakan satu proses yang biasanya berlaku selari dengan proses pembelajaran, terutamanya pembelajaran yang formal.

Abdul Aziz Abdul Talib (1995) menyatakan bahawa, dalam bidang pendidikan bahasa, sesuatu kaedah pengajaran itu dirancang dan dijalankan untuk mencapai objektif pengajaran yang berkaitan dengan sesuatu kemahiran bahasa atau aspek bahasa. Manakala menurut Arbak Othman (1985) pengajaran membawa makna sebagai satu organisasi aktiviti yang dirancangkan dan diolah oleh guru untuk menyampaikan kefahaman tentang maklumat tertentu kepada pelajar. Secara kesimpulannya, dapatlah dinyatakan bahawa proses pengajaran bermaksud suatu aktiviti mendidik dan menyampaikan ilmu pengetahuan dengan tujuan melengkapkan segala bentuk maklumat atau fakta yang harus diketahui dan diikuti oleh para pelajar.



1.7.5 Tatabahasa

Menurut kamus Tatabahasa Bahasa Melayu, tatabahasa “didefinisikan sebagai peraturan tentang pembentukan kata, dan penggabungan perkataan, untuk menghasilkan ayat yang gramatis”. Tatabahasa juga mengandungi komponen-komponen linguistik yang merangkumi aspek fonologi, morfologi dan sintaksis. Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et. al., 1993).

Mengikut Abdullah Hassan (1993), mentakrifkan tatabahasa sebagai suatu kumpulan petua bagi membentuk perkataan, frasa, klausa dan ayat. Perkataan bergabung membentuk frasa. Frasa bergabung membentuk ayat. Dua atau lebih ayat yang membentuk satu ayat majmuk. Ayat-ayat dalam ayat majmuk dipanggil klausa.

Dalam konteks kajian ini tatabahasa yang digunakan ialah tatabahasa pedagogi iaitu tatabahasa yang diuraikan khusus untuk kegunaan bilik darjah bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.

1.7.6 Pelajar Tingkatan Dua

Pelajar Tingkatan Dua yang dimaksudkan dalam kajian ialah pelajar yang sedang mengikuti pendidikan formal pada peringkat sekolah menengah rendah. Mereka telah menduduki pendidikan formal antara 7-8 tahun melalui bahasa pengantar bahasa Melayu, iaitu enam tahun di sekolah rendah dan dua tahun di sekolah menengah. Pelajar-pelajar ini terdiri daripada mereka yang berumur dari 14 tahun. Kesemua pelajar ini menuntut



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

di Sekolah Menengah Kebangsaan di Negeri Melaka dan diwajibkan mengambil mata pelajaran bahasa Melayu untuk peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) 2001.

Ada empat kelas tingkatan dua di Sekolah Menengah Kebangsaan di luar bandar di Negeri Melaka terdiri daripada 2 Merah, 2 Biru, 2 Hijau dan 2 Kuning berjumlah 112 orang. Tingkatan 2 Merah dan 2 Biru seramai lima puluh enam orang yang terdiri daripada dua puluh lapan orang lelaki dan dua puluh lapan orang perempuan mengikut kaedah koperatif. Tingkatan 2 Hijau dan 2 Kuning seramai lima puluh enam orang terdiri daripada dua puluh lapan orang lelaki dan dua puluh lapan orang perempuan yang mengikuti kaedah tradisional.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi